

# Bengkel Koreografi Tari cungkil bakat penari muda

► Melestarikan kekayaan dan keunikan seni tari Malaysia

Oleh SITI AISYAH NARUDIN  
aisyahub@gmail.com

**S**eiring dengan objektif penganjurannya untuk melestarikan kekayaan dan keunikan seni tari Malaysia, Bengkel Koreografi Tari 2013 tarik lebih ramai golongan penari muda mempelajari keunikan seni tarian.

Dianjurkan buat julung kalinya di negeri ini, bengkel selama empat hari anjuran Bahagian Kebudayaan dan Kesenian, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu berjaya mengumpulkan seramai 116 peserta daripada Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Penglibatan penari profesional dan mereka yang berpengalaman sebagai fasilitator dalam program ini membantu para peserta mendalami pengisian bengkel.

Ia bukan sahaja dapat mencungkil bakat peserta, malah menunjukkan hasil kreativiti mereka dalam mencipta tarian yang lebih menarik.

Peserta yang terlibat bukan sahaja dari kalangan



KASIM (tengah) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta.

pelajar sekolah, malah ia turut melibatkan mahasiswa institut pengajian tinggi (IPT) dan persatuan serta sekolah tarian.

Antara fasilitator yang terlibat Abdul Hamid Chan yang mengetengahkan bengkel koreografi; Suhaimi Magi memperjelaskan tentang asas tari dan koreografi tradisional; Christopher Liew mengenai asas koreografi; dan Sharip

**“Ia bukan sahaja dapat mencungkil bakat peserta, malah menunjukkan hasil kreativiti mereka dalam mencipta tarian yang lebih menarik. Peserta yang terlibat bukan sahaja dari kalangan pelajar sekolah, malah ia turut melibatkan mahasiswa institut pengajian tinggi (IPT) dan persatuan serta sekolah tarian.”**

Zainal Sagkif Shek yang mengetengahkan elemen muzik dalam tarian.


Selain itu, Tang Sook Kuan mengajar para peserta elemen pernafasan dalam tari; Addley Bromero menerangkan mengenai penguasaan pentas dan Jasmit Rasit membentangkan tentang budaya dan seni di Malaysia.

Majlis perasmian penutupan bengkel berkenaan disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, UMS, Prof Madya Datuk Dr Kasim Md Mansur.

Beliau berkata, penganjur bengkel tarian seumpama itu mampu melahirkan lebih ramai penari terutamanya dari kalangan belia.

“Para peserta bukan sahaja mereka yang profesional dalam tarian,

**ANTARA pergerakan seni tari yang dipersembahkan pada bengkel itu.**



SENI tari yang dikongsikan para peserta sepanjang bengkel berkenaan.

malah ada peserta yang belum pernah menari.


“Ini secara tidak langsung membuka peluang kepada mereka supaya lebih yakin untuk mendedahkan diri dalam apa juga bidang yang diminati,” katanya.

Tambahnya, bengkel berkenaan diharap terus menjadi kesinambungan kepada pengiat seni tari terutama di Sabah untuk mencari dan mencungkil bakat baru dalam seni

tarian.

Ia katanya, akan mengekalkan imej masyarakat di Sabah yang terkenal dengan pelbagai jenis budaya dan suku kaum yang mewarisi seni tari yang berbeza-beza.

Kasim berkata, para peserta bukan sahaja memperoleh pengalaman baru menerusi bengkel itu, tetapi mereka juga dapat berkongsi setiap ilmu yang dipelajari kepada masyarakat.



SEBAHAGIAN peserta yang menyertai Bengkel Koreografi Tari 2013.